

DALAM KES T-43-2001 DI TRIBUNAL KOPERASI MALAYSIA
DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA

Antara

S. AhlaimuniandyPemohon

Dengan

Koperasi MCIS Berhad..... Responden

ALASAN AWARD

Latar belakang

1. Pemohon adalah seorang Ahli Lembaga Koperasi (ALK) dalam Responden dan dia juga adalah ALK Kesatuan Koperasi Midlands Berhad (Midlands). Pemohon telahpun dilucutkan jawatannya dalam Responden kerana dia telah didakwa memburukkan nama Responden semasa Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan (MATP) Midlands.

Pengemukakan Usul oleh Pemohon

2. Dalam MATP Ke37 Midlands pada 20.6.2000, Pemohon telah mengemukakan suatu usul di mana dia telah membuat cadangan supaya 45 juta saham yang dimiliki oleh Koperasi MCIS Berhad (Responden) diagihkan secara

langsung kepada lebih daripada 7000 orang anggota perseorangan serta 153 anggota Koperasi dalam Responden dengan serta-merta mengikut pegangan saham mereka dalam Responden dan jika Responden ingin menjalankan aktiviti-aktiviti lain, ia hendaklah memodali semula (re-capitalise) dengan mempelawa modal saham baru daripada anggotanya (Usul itu). Cadangan ini dibuat oleh Pemohon kerana Responden telah meminda Undang-Undang Kecilnya (UUK) bagi membolehkannya menjalankan aktiviti-aktiviti lain selain daripada insurans dan oleh kerana Responden telah memindahkan segala aset dan liabilitinya kepada anak syarikatnya, iaitu MCIS Insurance Berhad pada masa itu.

3. Dengan Usul itu, Pemohon telah menyuarakan harapannya bahawa Midlands *“akan memimpin dan menerajui usaha tersebut di atas dengan semua pihak yang berkenaan agar para anggota perseorangan yang melebihi 7000 orang yang memiliki lebih kurang 65% serta 153 buah Koperasi yang memiliki lebih kurang 35% daripada modal saham Koperasi MCIS Berhad menentukan secara langsung melalui pungutan suara (referendum) mengenai masa depan Koperasi MCIS Berhad berdasarkan cadangan tersebut di atas”* seperti mana dikemukakan di ms 1-1A P1. Sebab kenapa Pemohon mengharapkan pimpinan daripada Midlands adalah kerana Midlands telah memainkan peranan yang penting dalam beberapa isu yang melanda pergerakan koperasi sejak dahulu

seperti isu CCB dan lain-lain lagi. Dalam para 21 Penyata Saksinya yang ditandakan sebagai P6, Pemohon yang memberi keterangan bagi dirinya sendiri sebagai SP1 telah menyatakan bahawa dia tidak menyamakan Responden dengan CCB seperti mana didakwa oleh Responden tetapi merujuk kepada peranan yang dimainkan oleh Midlands dalam menangani isu CCB. Mengikutnya, semua anggota Midlands tidak terkeliru kerana mereka memang tahu akan peranan yang dimainkan oleh Midlands.

4. Kini, Pemohon adalah Naib Pengerusi Midlands, dan juga Setiausaha Koperasi Perdanajaya Malaysia Berhad (Perdanajaya). Semasa Usul itu dikemukakan olehnya, dia adalah seorang ALK dalam Midlands dan dia sedang menghadiri MAT Midlands sebagai seorang ALK Midlands dan juga sebagai seorang wakil Perdanajaya.

5. Pada masa Usul itu dikemukakan oleh Pemohon, terdapat individu perseorangan dan Koperasi yang menjadi anggota dalam Responden seperti dinyatakan di atas. Modal yang dipegang oleh anggota perseorangan adalah sebanyak RM28 juta dan modal yang dipegang oleh anggota koperasi adalah lebih kurang RM14 juta. Apa yang dicadangkan oleh Pemohon melalui Usul itu adalah supaya kesemua anggota Responden termasuk Midlands diberikan

saham secara langsung di dalam Responden yang kini dikenali sebagai MCIS Zurich Insurance Berhad kerana perniagaan insuran tersebut amat lukratif dan boleh memberi pulangan yang besar kepada anggota-anggota Responden. Mengikut keterangan SP1 di para 17-19 P6, dengan menjadi pemilik saham secara langsung dalam anak syarikat Responden, kesemua anggota akan mendapat lebih banyak lagi keuntungan berbanding dengan yang sedia kala.

6. Mengikut Usul Pemohon, pindahan segala asset dan liabiliti Responden kepada anak syarikatnya MCIS Insurance Berhad tidak menguntungkan anggota-anggota Responden seperti Midlands dan Perdanajaya dan lain-lain anggota dalam Responden. Di sebaliknya, tiada kepastian bahawa perniagaan Responden yang baru akan membawa keuntungan kepada anggota-anggotanya dan anggota juga diminta terus memodali keperluan menambah modal saham MCIS Insurance Berhad.

Penggantungan Pemohon di bawah UUK 22(1)(b) dan (d)

7. Pemohon telah pun digugurkan sebagai anggota Responden mengikut UUK 22(1)(b) dan 22(1)(d) akibat daripada pengemukaan Usul itu. Mengikut SR2 iaitu Setiausaha Responden dalam tahun 2000-2004, Lembaga Pengarah Responden telah membuat kesimpulan bahawa penerbitan dan pengedaran Usul

itu oleh Pemohon semasa MATP Midlands melanggar UUK 22(1)(b) dan (d) Responden dan memudaratkan kepentingan Responden dan keahlian Pemohon dalam Responden hendaklah digantung. UUK 22(1)(b) dan (d) adalah seperti berikut:

“Jika sebarang anggota melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau melakukan mana-mana satu daripada perbuatan-perbuatan berikut:-

(a) –

(b) membuat kenyataan dalam akhbar atau mana-mana media massa mengenai Koperasi ini tanpa kebenaran Lembaga; atau

(c) -

(d) memburuk-burukkan Koperasi sehingga mencemarkan nama baik dan menjejaskan urusan perniagaan Koperasi ini; atau

(e) –

dia hendaklah dianggap telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan Koperasi ini dan bolehlah digantung keanggotaannya.”

Adakah Terdapat Siaran Dalam Akhbar Atau Media Massa?

8. Hujahan Pemohon adalah pembentangan Usul itu olehnya di dalam MATP Midlands bukannya membuat kenyataan dalam akhbar dan bukan juga penyiaran sesuatu pernyataan kepada media massa dan tidak tertakluk kepada UUK 22(1)(b). Sebagai seorang anggota sesebuah Koperasi, Pemohon

mempunyai hak untuk mengemukakan sebarang usul mengikut UUK Koperasi tersebut sebagai wakil Perdanajaya dan sebagai ALK Midlands dan dia berhak mengemukakan Usul itu di dalam mesyuarat Midlands mengikut UUK Midlands kerana Usul itu menguntungkan Midlands.

Adakah Terdapat Pencemaran Nama Baik Dan Penjejasan Perniagaan Responden?

9. Mengikut SR2, Usul itu yang dikemukakan oleh Pemohon semasa MATP Koperasi Midlands Berhad memudaratkan kepentingan Responden dan oleh itu, keahlian Pemohon telah digantung selaras dengan UUK 22(1)(d). Pemohon menghujahkan bahawa tiada keterangan yang telah dibawa untuk menunjukkan bahawa Responden telahpun menghadapi sebarang keburukan akibat daripada pembentangan Usul itu oleh Pemohon. Pemohon bukannya wakil Responden dalam MATP Midlands. Dengan mengemukakan Usul itu, Pemohon tidak boleh dikatakan sebagai telah memburuk-burukkan Responden sehingga mencemarkan nama baik Responden dan menjejaskan urusan perniagaan Responden mengikut takrifan di bawah UUK 22(1)(d).

Keputusan Tribunal Koperasi Berkenaan UUK 22(1)(b) Dan (d)

10. Tribunal Koperasi ini telah membincang dan menimbangkan kesemua hujahan Pemohon dan Responden berkenaan UUK 22(1)(b) dan (d) di atas. Adalah didapati bahawa Pemohon memang berhak mengemukakan usul semasa MATP Midlands walaupun dia adalah seorang anggota Responden. Adalah juga diputuskan secara sebulat suara bahawa pengedaran Usul itu semasa MATP tidak termasuk di dalam UUK 22(1)(b) kerana pengedaran Usul itu bukannya suatu kenyataan yang dibuat oleh Pemohon dalam akhbar dan Usul itu juga tidak boleh dianggap sebagai penyebaran di dalam media massa.

11. Pengedaran Usul itu juga tidak dirangkumi oleh UUK 22(1)(d) kerana setelah dibaca Usul itu dengan teliti, adalah didapati bahawa Usul itu tidak memburuk-burukkan Responden sehingga mencemarkan nama baik Responden dan tidak terdapat sebarang bukti yang dikemukakan oleh Responden yang menunjukkan bahawa Usul itu telah menjejaskan urusan perniagaan Responden. Maka Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara memutuskan bahawa tindakan yang diambil oleh Responden di bawah UUK 22(1)(b) atau UUK 22(1)(d) adalah tidak teratur.

12. Tribunal Koperasi ini mendapati bahawa pertuduhan terhadap Pemohon tidak dibuktikan oleh Responden. Kemungkinan besar, Usul itu boleh menyebabkan anggota-anggota Midlands untuk memikirkan ‘business model’ yang paling memanfaatkan mereka sebagai anggota dalam Responden dan ini adalah sesuatu yang perlu digalakkan di kalangan anggota koperasi. Tambahan lagi, oleh kerana tidak ada keterangan yang dikemukakan oleh Responden berkenaan “pengapian” yang didakwa olehnya, maka Tribunal ini tidak dapat memutuskan bahawa dengan pengemukakan Usul itu telah *per se* mencemarkan nama baik Responden dan menjejaskan urusan perniagaan Responden.

13. Bagi melengkapkan alasan award ini, Tribunal Koperasi ini akan membuat keputusan atas hujahan lain yang dikemukakan oleh Responden juga.

Pertuduhan Berbeza Semasa Penggantungan oleh Lembaga Dan Semasa Penamatan Keanggotaan oleh MATP

14. Mengikut Pemohon, prosidur yang digunakan oleh Responden dalam memecatkan Pemohon adalah tidak betul dan melanggar prinsip-prinsip keadilan semulajadi. Pertuduhan yang dikemukakan terhadap Pemohon tidak teratur. Terdapat pertuduhan dalam Bahasa Malaysia dan pertuduhan dalam Bahasa Inggeris dan kedua-duanya mempunyai perbezaan yang material.

Pertuduhan yang dikemukakan semasa Mesyuarat ALK sepertimana di ms 50-53 P1 untuk tunjuk sebab kenapa dia tidak perlu digantung sebagai anggota Responden adalah berlainan dengan pertuduhan yang dikemukakan di ms 54-55 P1 iaitu versi yang telah dikemukakan kepada Pemohon untuk dijawab di dalam MATP Responden. Di ms 30-46 P1, telah dikemukakan secara terperinci perbezaan di antara pertuduhan-pertuduhan tersebut.

15. Sebagai contoh, mengikut SR2 yang memberi keterangan bagi pihak Responden, walaupun tak ada frasa “*without providing a plausible explanation of the inability of Koperasi MCIS Bhd to capitalize in MCIS Insurance Bhd*” dalam versi Bahasa Malaysia “*tapi more or less maknanya ada*”. Dalam pertuduhan terhadapnya, Pemohon telah dituduh “mengapikan” anggota Responden tetapi tiada keterangan yang dikemukakan bagi menunjukkan bagaimana anggota Responden telah “diapikan”.

16. Responden menyatakan bahawa Pemohon tidak terkhilaf dengan salah taip yang terdapat dalam pertuduhan-pertuduhan terhadapnya. Salah taip itu juga tidak material dan tidak membawa kepada ketidakadilan terhadap Pemohon. Dalam kes **Yu Kim Seng v Public Prosecutor [2008] 8 MLJ 378, Mahkamah Tinggi** telah memutuskan bahawa hanya kesalahan yang mengakibatkan salah

faham seseorang itu, baharulah kesalahan itu boleh ditakrifkan sebagai kesalahan yang material. Dalam kes ini, Pemohon telah mengemukakan pembelaannya semasa MATP dan oleh itu dia tidak terkilan oleh salah taip yang telah berlaku.

17. Mengikut Responden lagi, pada setiap masa Pemohon sedar tentang jenis pertuduhan yang dihadapkan terhadapnya dan Pemohon tidak mempunyai salah faham terhadap pertuduhan yang dibuat terhadapnya dan pada setiap masa Pemohon telah tidak membangkitkan sebarang bantahan mengenai pertuduhan yang dibuat terhadapnya sehingga sekarang. Walaupun terdapat perbezaan dalam versi Bahasa Malaysia dan versi Bahasa Inggeris, kedua-dua pertuduhan tersebut adalah sama secara substantif. Pemohon juga tidak mengemukakan sebarang bantahan semasa menghadiri MATP pada 16.12.2000 mengenai perkara ini.

18. Responden telah mengemukakan kes **Rajadurai v Singh & Anor [1995] 4 MLJ 593** sebagai nas undang-undang di mana YA Hakim Mahkamah Tinggi mendapati bahawa:

“There was no breach of the rules of natural justice during the inquiries and the Extraordinary General Meeting. The Plaintiff had adequate notice of the charges against him. He was represented throughout the inquiry. He was given opportunities to address the extraordinary general meeting and was able to distribute a document during that meeting”.

19. Setelah mengkaji kes tersebut, Tribunal Koperasi ini mendapati bahawa kes tersebut dapat dibezakan dengan fakta dalam kes Pemohon. Aduan yang dibuat dalam kes Mahkamah Tinggi ini tidak terdapat dalam dua Bahasa dan tiada perbezaan di antara pertuduhan yang dikemukakan dalam inkuiri dan semasa mesyuarat agung khas. Dalam kes tersebut, plaintif diwakili oleh peguam yang duduk bersama-samanya di sepanjang inkuiri dan kesemua ahli jawatan kuasa yang mendengar inkuiri terhadapnya telah tidak membuat undian (*abstained from voting*) semasa mesyuarat agung khas.

20. Di sebaliknya dalam kes ini, Pemohon telah menyatakan bahawa ALK Responden sahaja mempunyai lebih daripada 2/3 undian jika undian secara poll dijalankan di mana setiap anggota akan membuat undian mengikut jumlah saham yang dipegang olehnya. Mengikut Pemohon, Responden seharusnya tidak membuat undian secara poll dalam membuat keputusan berkenaan

penamatan keanggotaannya kerana ALK Responden telah menjadi '*prosecutor, judge and jury*'.

21. Tribunal Koperasi ini mendapati bahawa apa yang dikatakan oleh Responden sebagai salah taip yang dilakukan semasa mengemukakan pertuduhan-pertuduhan terhadap Pemohon tidak boleh diterima kerana ia telah memprejudiskan Pemohon dalam penyediaan pembelaannya dan Pemohon menyatakan bahawa dia tidak melanggar UUK 21(1)(b) atau UUK 21(1)(d) kerana ianya tidak ujud. Adalah didapati bahawa pembetulan kepada pertuduhan terhadap Pemohon dibuat oleh Responden hanya setelah Pemohon digantung.

Pungutan Undi (Poll) di bawah UUK 31(1)

22. Berkenaan dengan isu ini, adalah dinyatakan bahawa kedua-dua pihak tidak mengemukakan nas undang-undang mengenai cara bagaimana dan bila sesuatu 'undian poll' boleh dilakukan dan apakah sebenarnya 'undian poll'. Setelah disemaknya UUK Responden, didapati bahawa tiada prosidur yang menyatakan bagaimana undian poll perlu diadakan. Oleh ini, Tribunal Koperasi ini perlu membuat kajiannya sendiri mengenai undian poll mengikut takrif dan

pemahaman umum. Dalam bahasa umum, mengikut *Answers.com*, terdapat 2 makna “poll” yang paling sesuai digunakan dalam keadaan ini iaitu “*the casting and registering of votes in an election; the number of votes cast or recorded.*” Tiada sekalipun dinyatakan dalam kamus ini dan kamus yang lain bahawa, “poll” bermaksud bahawa setiap anggota boleh membuang undi mengikut jumlah saham yang dipegang olehnya seperti mana yang telah dilakukan dalam kes ini.

23. Menurut UUK 31(1) Responden, pembuangan undi harus dibuat oleh wakil-wakil anggota dan anggota persendirian yang hadir dalam MATP sahaja dan setiap wakil mempunyai satu undi sahaja. Pembuangan undi adalah dengan cara angkat tangan kecuali jika ada permintaan untuk pungutan undi atau ‘poll’. Biasanya pembuangan undi adalah secara terbuka dengan angkat tangan sahaja dan kebiasaannya, jika ada sesiapa yang pohon untuk ‘pungutan undi’, ia bermakna bahawa pembuangan undi akan dijalankan secara ‘secret ballot’ iaitu dengan secara rahsia dan tidak terbuka. Tiada di mana-mana UUK, Peraturan atau Akta yang ditunjukkan kepada Tribunal Koperasi ini yang memperuntukan bahawa pungutan undi atau ‘poll’ bermaksud bahawa pengiraan undi adalah berdasarkan kepada jumlah undi yang dipegang oleh seseorang anggota. UUK 31(1) adalah seperti berikut:

“Semua perbahasan hendaklah diputuskan dengan majoriti undi perwakilan-perwakilan **yang hadir sebagaimana di dalam daftar kehadiran secara angkat tangan melainkan satu pungutan undi (poll) diminta oleh mana-mana proksi koperasi anggota sebelum atau semasa pengisytiharan keputusan angkat tangan.** Jika undi sama banyak, maka usul yang diundi itu hendaklah disifatkan kalah dan Pengerusi mesyuarat tidak mempunyai undi pemutus sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen 30(1) Akta. [Tekanan ditambahkan].

(2) Menurut seksyen 30 Akta, dalam mana-mana mesyuarat agung perwakilan, **perwakilan anggota individu mempunyai satu undi. Undi berwakil tidak dibenarkan**”. [Tekanan ditambahkan].

24. Oleh kerana UUK Responden merujuk kepada Akta Koperasi 1993, maka perlulah dirujuk kepada seksyen-seksyen yang berkaitan. Seksyen 30, 31 dan 36 Akta Koperasi adalah jelas dan memperuntukan bahawa:

“30(1) **Tiada anggota atau perwakilan anggota-anggota mana-mana koperasi boleh mempunyai lebih daripada satu undi** dalam perjalanan hal-ehwal koperasi itu, dan dalam hal kesamarataan undi pengerusi tidak boleh mempunyai undi pemutus.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), anggota sesuatu koperasi menengah atau atasan boleh mempunyai kuasa-kuasa mengundi yang diperuntukkan oleh undang-undang kecil koperasi menengah atau atasan itu.

(3) Tertakluk kepada seksyen 31 dan 36, tiada anggota boleh mengundi melalui seorang anggota lain dan tiada perwakilan boleh mengundi melalui perwakilan lain.

S31. Pengundian melalui proksi.

Anggota sesuatu koperasi menengah atau atasan boleh melantik mana-mana perwakilannya, yang mestilah anggota Lembaganya, sebagai proksinya bagi maksud mengundi dalam penjalanan hal-ehwal koperasi menengah atau atasan itu.

S36. Mesyuarat Agung.

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, peraturan-peraturan atau arahan atau garis panduan dan undang-undang kecil, kuasa tertinggi bagi sesuatu koperasi hendaklah terletak hak pada mesyuarat agung anggota-anggotanya, yang padanya tiap-tiap anggota, sama ada dia sendiri atau melalui perwakilan atau, dalam hal koperasi menengah atau koperasi atasan, melalui proksi, mempunyai hak untuk hadir dan mengundi.”

25. Setelah menelitikan kesemua peruntukan di atas, adalah didapati bahawa setiap anggota mempunyai satu undi sahaja. Jika anggota itu adalah sebuah koperasi menengah atau koperasi atasan, ia boleh diwakili oleh wakilnya yang mempunyai satu undi sahaja. Dalam kes di mana terdapat lebih daripada satu orang wakil bagi sesebuah koperasi menengah atau koperasi atasan, maka setiap

wakil yang hadir itu mempunyai satu undi juga. Tiada sesiapa yang hadir di dalam mesyuarat berhak mengundi dua kali atau mempunyai lebih daripada satu undi kerana mengikut UUK 31(2) undi berwakil tidak dibenarkan. Undi itu hendaklah dibuang oleh anggota perseorangan atau wakil anggota koperasi menengah atau koperasi atasan yang hadir di dalam mesyuarat itu. Jika anggota perseorangan atau wakil anggota koperasi menengah atau koperasi atasan tidak hadir dalam mesyuarat itu, undinya akan terlepas.

26. Jika terdapat peruntukan sepertimana dikatakan oleh Responden bahawa undian poll bermaksud setiap anggota atau wakil anggota boleh mengundi mengikut jumlah saham yang dipegang oleh koperasi yang dia mewakili, adalah tugas Responden untuk membawa peruntukan itu ke perhatian Tribunal Koperasi ini. Oleh kerana tiada peruntukan khusus, maka pentafsiran UUK tersebut hendaklah mengikut makna seperti dalam kamus, iaitu kefahaman umum. Oleh ini, jika suatu undian poll diminta, ini bermaksud bahawa wakil anggota koperasi menengah dan koperasi atasan diminta supaya direkodkan anggota yang mereka wakili dan undian yang dibuang oleh mereka hendaklah dicatat secara bertulis dan bukan secara terbuka dengan angkat tangan sahaja dan dikira sebagai undian anggota koperasi menengah dan koperasi atasan tersebut. Setiap wakil boleh mewakili hanya satu anggota koperasi menengah atau koperasi atasan. Oleh kerana UUK 31 tidak menyatakan bahawa pungutan

undi hendaklah dibuat secara rahsia, maka Tribunal Koperasi ini tidak boleh mengenakan sifat ini atas pembuangan undi yang dijalankan.

27. Selain daripada melihat kepada undang-undang yang berkaitan, perlulah dilihatnya fakta dalam kes ini iaitu di para 1.6, 1.7 dan 1.8 ms 154 R3 minit MATP Ke38 Responden. Minit MATP menyatakan seperti berikut:

“1.6 Sebelum proses pengundian dimulakan, Dato’ Pengerusi menerangkan kepada para perwakilan cara membuang undi. Seterusnya beliau memberitahu Mesyuarat bahawa jumlah undi setelah pendaftaran ditutup pada jam 10.55 pagi adalah berjumlah 2,676 undi. Jumlah undi yang diperlukan bagi perkara ini adalah dua pertiga daripada jumlah undi di atas iaitu 1,784 undi. Selepas itu proses pengundian dijalankan.

1.7 Mesyuarat dimaklumkan jumlah undi yang diperolehi bagi perkara ini adalah seperti berikut:

Jumlah Undi	
(a) Bersetuju	1949
(b) Tidak Bersetuju	526

1.8 Berdasarkan keputusan di atas, jumlah undi yang bersetuju adalah melebihi dua pertiga undi yang diperlukan. Maka dengan itu Mesyuarat sebulat suara menerima keputusan supaya keanggotaan Encik S.

Ahlaimuniandy dalam Koperasi ini dilucutkan berkuatkuasa serta-merta.”

28. Mengikut Responden, terdapat persetujuan bahawa undian semasa MATP dijalankan secara poll walaupun minit mesyuarat MATP 16.12.2000 tidak mencatatkan perkara ini dan perkara ini telah diperbetulkan semasa Mesyuarat Perwakilan ke-39 pada tahun berikutnya.

29. Dalam minit mesyuarat MATP Ke 39 bertarikh 29.12.2001 di para 1.2 dinyatakan seperti berikut:

“Encik Ahmad Kamal bin Bahari mencadangkan supaya pindaan dibuat di perenggan 1.5 baris kedua selepas perkataan “diundi” dengan memasukkan perkataan-perkataan berikut:

“secara pungutan undi (poll)”

Seperti yang beliau cadangkan di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 38 pada 16 Disember 2000. Beliau seterusnya mencadangkan Minit Mesyuarat Agung tersebut diterima ...”

30. Undian poll di UUK 31(1) mestilah “diminta oleh mana-mana proksi koperasi anggota sebelum atau semasa pengisytiharan keputusan angkat tangan”. Kalau tidak, mengikut UUK 31(1) pengundian adalah dengan cara angkat tangan sahaja. Ini bermaksud bahawa undian poll adalah secara bertulis di mana dicatatkan setiap undi yang dibuang dan oleh wakil atau anggota yang mana. Tiada keterangan sama ada Pengerusi MATP Ke 38 telah menerima permintaan Encik Ahmad Kamal bin Bahari untuk adakan undian secara poll (jika ada permintaan itu). Di para 1.6 di dalam minit MATP Ke 38, walaupun dicatatkan bahawa Pengerusi MATP memberi penjelasan berkenaan jumlah undi yang diperlukan tetapi tidak dicatatkan apakah yang dimaksudkan dengan “cara membuang undi” dan tiada sesiapa saksi Responden yang memberi keterangan berkenaan dengan cara undian dicatatkan. Catatan poll juga telah tidak dikemukakan jika sebenarnya telah dilakukan semasa MATP Ke 38.

31. Undian secara poll mengikut makna biasa bermaksud menyenaraikan secara bertulis kesemua undi yang dibuang, oleh siapa, dan berapa undi yang dipegang oleh wakil tersebut jikapun hujahan Responden berkenaan dengan pembuangan undi mengikut jumlah saham dapat diterima. Tribunal Koperasi ini mendapati dengan sebulat suara bahawa oleh kerana tidak ditunjukkan oleh Responden butir-butir jumlah undi yang dipegang oleh setiap wakil dalam pengiraan poll, tidak dicatatkan wakil anggota siapa yang hadir bagi pihak siapa dan jumlah

undi yang dipegang olehnya, maka hujahan Responden berkenaan dengan cara undian poll tidak dapat diterima. Walaupun perkara ini juga tidak dibangkitkan di dalam kes ini, Tribunal Koperasi ini sedar bahawa terdapat koperasi menengah dan atasan yang mungkin mempunyai lebih daripada seorang wakil di dalam MATP tetapi setiap wakil itu berhak untuk satu undi sahaja.

32. Mengikut keterangan yang diberikan, tidak dicatatkan jumlah undi berkecuali atau undi rosak semasa membuat undian dalam MAPT untuk menamatkan keanggotaan Pemohon. Tribunal Koperasi mendapati bahawa oleh kerana tiada keterangan dan hujahan yang mencukupi dalam pembentangan isu ini, maka hujahan itu ditolak. Jikapun, dibuat anggapan bahawa pembuangan undi telah dijalankan dengan teratur, oleh kerana asas yang digunakan untuk menamatkan keanggotaan Pemohon adalah tidak betul, maka penamatan keanggotaan tersebut hendaklah ditolak dan Pemohon dipulihkan keanggotaannya.

Jumlah Undian di bawah UUK 22(4)

33. Pemohon berhujah bahawa mengikut UUK 22(4) sepertimana ditunjukkan di ms 18 R3, undian hanya boleh dibuat dengan undi 2/3 daripada perwakilan

yang hadir dan bukannya 2/3 undi yang dipegang oleh wakil-wakil yang hadir dalam MAT. Oleh ini, undian poll yang dijalankan oleh Responden adalah tidak sah dan tidak boleh digunakan untuk memecat Pemohon daripada Responden.

34. Hujahan Responden adalah mengikut UUK 22(4), seseorang anggota boleh dipecatkan jika 2/3 undian diperolehi dan dalam kes ini, 2/3 perwakilan memang mengundi untuk pemecatan Pemohon sebagai anggota. Selepas itu Responden telah melalui suratnya bertarikh 20.12.2000 membayar balik Pemohon modal syernya sebanyak RM2000 mengikut UUK 23(1).

35. Tribunal Koperasi ini memutuskan bahawa tafsiran yang hendak diberikan kepada UUK 22(4) berkenaan dengan “undi dua per tiga daripada perwakilan yang hadir” haruslah merujuk kepada wakil yang hadir dan bukannya undi-undi yang dimiliki oleh wakil-wakil yang hadir dalam Mesyuarat Agung Perwakilan tersebut.

36. Mengikut UUK 22(4),

“Sebelum mengesahkan atau menyetujui penggantungan itu, mesyuarat agung perwakilan hendaklah mendengar penjelasan anggota atau wakil koperasi anggota yang digantung oleh Lembaga itu, jika dia memilih untuk memberi penjelasan, dan keanggotaannya tidak lucut melainkan jika mesyuarat agung perwakilan **dengan undi dua pertiga daripada perwakilan yang hadir** membuat keputusan membuangnya.” [Tekanan ditambahkan].

36. Setelah meneliti UUK 22(4) dan UUK 31, Tribunal Koperasi ini bersetuju dengan hujahan Pemohon mengenai UUK 22(4) bahawa pembuangan undi mestilah dua pertiga daripada perwakilan yang hadir dan bukannya mengikut jumlah saham yang dipegang oleh seseorang wakil anggota. Dengan adanya UUK 22(4), adalah jelas bahawa UUK Responden memerlukan kehadiran anggota atau wakil anggota di dalam mesyuarat tersebut dan hak undian adalah seperti di seksyen 30 di mana satu anggota atau wakil anggota berhak kepada satu undi sahaja kerana tiada peruntukan berlainan di dalam UUK.

Dakwaan Bahawa Pemohon Telah Samakan Responden Dengan CCB

37. Sebutan oleh Pemohon mengenai “CCB” telah dijadikan suatu isu dalam pemecatan Pemohon kerana mengikut Responden, Pemohon telah menyamakan

Responden dengan CCB. Akan tetapi Pemohon tegas dengan hujahannya bahawa sebutan berkenaan dengan “CCB” adalah untuk memberi contoh berkenaan peranan yang dimainkan oleh Midlands semasa krisis CCB dan tidak merujuk sama sekali kepada Responden atau membawa maksud bahawa Responden adalah sama seperti CCB.

38. Pendirian Pemohon adalah bahawa Usul itu sungguh jelas sekali dan tiada sesiapa yang membaca Usul itu akan salah tafsir peranan yang dimainkan oleh Midlands dan apa yang dimaksudkan oleh Pemohon dalam merujuk kepada CCB dalam konteks Usul itu. Tiada sebarang keterangan dikemukakan oleh Responden bagi menyangkal tafsiran Pemohon yang tersebut di atas.

39. Tribunal Koperasi ini telah menelitikan Usul itu dan bersetuju dengan hujahan Pemohon bahawa Usul itu tidak menyamakan Responden dengan CCB tetapi meminta Midlands menjadikan dirinya sebagai peneraju dalam membawa faedah yang disebutkan dalam Usul itu kepada semua anggota sama seperti peranan yang dimainkan oleh Midlands dalam menangani isu CCB dahulu. Oleh ini, setelah mengkaji keterangan dan fakta kes in secara menyeluruh, Tribunal Koperasi ini mendapati bahawa tindakan Pemohon dalam

mengemukakan Usul itu tidak boleh dijadikan sebagai asas untuk menggantungkannya dan menamatkan keanggotaannya di dalam Responden.

40. Jikapun Pemohon telah mengemukakan Usul itu di dalam MAPT Responden sendiri, Pemohon tidak boleh ditamatkan keanggotaannya kerana setiap anggota mempunyai hak dalam UUK untuk mengemukakan usul masing-masing mengikut cara yang dinyatakan dalam UUKnya tetapi tidak semestinya usul tersebut mesti diterima oleh Lembaga atau MAT. Pengemukakan sesuatu usul menurut cara yang diperuntukkan di dalam UUK sesebuah koperasi tidak boleh dijadikan asas bagi penggantungan dan pemecatan anggota.

Pengemukakan Usul Yang Sama Oleh SR3

41. SR3 yang merupakan Setiausaha sebuah Koperasi yang lain yang juga adalah anggota Responden mengaku dalam keterangannya bahawa dia telahpun mengemukakan usul yang sama seperti Usul yang dikemukakan oleh Pemohon semasa MATP ke38 Responden pada 16 Dis 2000 tetapi SR3 masih dikekalkan sebagai anggota Responden dan Responden juga telah mengadakan suatu

penyelesaian di luar mahkamah dengan SR3. Tiada keterangan dikemukakan oleh Responden untuk menjelaskan kenapa tindakan terhadap SR3 tidak diteruskan bahkan pada masa sekarang, SR3 telah menjadi ALK Responden. Tiada penjelasan yang diberikan oleh Responden kenapa kes masih diteruskan terhadap Pemohon manakala kes yang sama faktanya terhadap SR3 diselesaikan oleh Responden di luar Mahkamah. Responden juga tidak memberi sebarang alasan yang munasabah bagi menjelaskan mengapa tindakan yang sama dalam satu kes boleh memudaratkan kepentingannya manakala dalam satu kes yang lain ia tidak memudaratkan kepentingannya.

Keputusan Tribunal Koperasi Mengenai Isu Ini

42. Apa yang didakwa oleh Responden sebagai “misconduct” atau salahlaku oleh Pemohon adalah tidak betul dan tidak boleh diterima sebagai salahlaku oleh Tribunal Koperasi ini. Responden sendiri telah mengambil langkah yang betul dalam kesnya terhadap SR3 dan dengan demikian, penyelesaian yang sama harus dicapai dengan Pemohon dalam kes ini. Maka Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suaranya memutuskan bahawa tiada salah laku yang telah dilakukan oleh Pemohon dalam mengemukakan Usul itu di dalam MATP Midlands di mana dia adalah seorang ALK.

Sama Ada Keputusan MATP Boleh Diketepikan oleh Tribunal Koperasi

43. Hujahan Responden adalah bahawa Tribunal Koperasi ini “*should not interfere [with] the decision of the ultimate authority of the Respondent by reversing the decision of the Annual General Meeting of the Delegates.*”

Responden menyatakan bahawa pemecatan Pemohon adalah teratur dan mengikut UUK Responden. Keputusan memecat Pemohon sebagai anggota telah dibuat di bawah seksyen 36 Akta Koperasi 1993 dan oleh kerana keputusan pemecatan itu telah dibuat oleh MAT iaitu badan yang amat tertinggi maka keputusannya tidak seharusnya diubah. Pemohon telah diberikan masa yang munasabah dan telah diberi peluang membela diri termasuk juga hak mengedarkan salinan pembelaannya kepada wakil-wakil yang menghadiri MAT pada 16.12.2000 maka penamatan keanggotaan Pemohon oleh MATP haruslah diikuti dan diterima oleh Tribunal Koperasi ini dan tuntutan Pemohon harus ditolak dengan kos.

44. Pada pandangan Tribunal Koperasi ini, walaupun MAPT merupakan badan yang tertinggi di dalam sesebuah koperasi, ia hendaklah mengambil tindakan

dan membuat keputusan dengan berpandukan dan tertakluk kepada UUK, Peraturan-Peraturan Koperasi 1998 (pada masa itu), Akta Koperasi 1993 serta undang-undang perlembagaan dan pentadbiran yang asas. Tambahan lagi, seksyen 83(2) Akta Koperasi 1993 jelas memberikan bidangkuasa kepada Tribunal Koperasi ini untuk mendengar pertikaian ini dan membuat keputusan yang mengikat pihak-pihak yang berkaitan jika Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) merujuk pertikaian itu kepada Tribunal Koperasi ini untuk didengar dan ditentukan pertikaian tersebut mengikut s82(1) Akta Koperasi 1993. Semua pertikaian berkaitan dengan UUK, pemilihan pegawai-pegawai, penjalanan mesyuarat-mesyuarat agung dan lain-lain perkara yang disebutkan dalam s82(1) dan (2) boleh didengar dan ditentukan oleh Tribunal Koperasi ini sebaik sahaja izin diperolehi daripada SKM. Perkara ini adalah '*settled law*' dan tidak dapat dipertikaikan lagi berdasarkan beberapa kes Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan.

45. Responden sendiri sedar akan kedudukan undang-undang ini kerana permohonannya untuk menyingkirkan Tribunal Koperasi ini daripada mendengar kesnya atas hujahan bahawa Tribunal Koperasi ini tiada bidang kuasa untuk mendengar kes ini telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi. Oleh kerana pendengaran kes ini terpaksa ditangguh sementara menunggu rayuan

Responden di Mahkamah Tinggi dan kemudiannya ke Mahkamah Rayuan, maka kes ini yang didaftarkan dalam tahun 2001 hanya dapat diselesaikan sekarang. Oleh ini, hujahan Responden bahawa Tribunal Koperasi ini tidak

seharusnya mengubah keputusan MAT yang merupakan kuasa tertinggi dalam Responden adalah ditolak dengan sebulat suara.

Kesimpulan

46. Pengedaran sesuatu usul oleh seorang anggota di dalam MATP atau MATP koperasinya di mana dia merupakan seorang anggota tidak boleh dianggap sebagai membuat suatu kenyataan dalam akhbar atau media massa atau bertujuan memburukkan nama koperasinya. Maka, Tribunal Koperasi ini memutuskan dengan sebulat suara bahawa penggantungan dan penamatan keanggotaan Pemohon di bawah UUK 22(1)(b) dan (d) adalah tidak betul dan terbatal. Pemohon hendaklah dipulihkan sebagai anggota Responden dari tarikh penamatan keanggotaannya pada 16 Disember 2000 dan Responden hendaklah membayar kepada Pemohon segala faedah-faedah terakru keanggotaannya dalam Responden sehingga kini.

47. Responden juga diperintahkan menyiarkan atau mengakibatkan disiarkan Award ini atas perbelanjaannya sendiri kepada Pengarah Eksekutif SKM dan di dalam akhbar “The Sun” serta pampasan perbelanjaan guamannya sebanyak RM30,000.00.

Bertarikh pada 20 Mei 2011.

**PUAN TAN GHEE PHAIK, PATRICA
PENGGERUSI TRIBUNAL KOPERASI.**

**PUAN ROSMAWATI BINTI HASAN
AHLI PANEL SKM**

**TUAN HAJI NADZIL BIN CHE LONG
AHLI PANEL KOPERASI**